

mode

Nikmati berbuka di kuarters MRT

Umpama taman perumahan mini

JIKA anda pernah melalui Jalan Cheras-Kajang pasti akan tertanya-tanya gugusan bangunan dicat warna biru memenuhi segenap lembah kecil di antara Cheras Sentral (dahulunya dikenali sebagai Plaza Phoenix) dan Kolej Polis Diraja Malaysia. Inilah kuarters pekerja yang bakal menempatkan ribuan pekerja bagi menjayakan pelaksanaan pembinaan jajaran kedua projek Mass Rapid Transit (MRT) oleh Mass Rapid Transi Corporation Sdn. Bhd. (MRT Corp).

Komplek Pekerja MRT (CLO) di Jalan Cheras adalah satu antara empat kuarters yang telah disiapkan untuk pekerja projek MRT. Ia dijangka memberi manfaat kepada 12,000-13,000 tenaga kerja ketika pembinaan menjangkau tahap kemuncaknya. Sepanjang Ramadan ini kuarters tersebut menjadi tumpuan di kalangan penghuni beragama Islam untuk berkumpul bagi berbuka puasa sama.

>> Bersambung di muka 6 & 7

PEMANDANGAN
sekitar kabin tempat
tinggal pekerja dalam
kuarters pekerja MRT
Corp. yang selesai.



JAM menunjukkan pukul 6.30 petang. Di bahagian dapur kuarters pekerja Mass Rapid Transit (MRT) di Jalan Cheras, Kuala Lumpur, kelihatan tiga sahabat ligat menyiapkan hidangan untuk berbuka puasa.

Seorang memotong tauhu dan tempe, seorang lagi merebus sayur kacang panjang manakala seorang lagi bertindak membersihkan sisa bahan masak yang ditinggalkan dua sahabatnya.

Masing-masing lengkap berbaju T, kain pelikat dan kopiah sambil senyuman terpancar pada wajah mereka.

Fenomena menyediakan lauk berbuka itu bukanlah sesuatu yang lazim bagi

tiga sahabat tersebut. Mereka biasanya akan berbuka di tapak projek pembinaan MRT sahaja dek tanggungjawab yang semakin bertambah.

Pun begitu mereka bersyukur kerana berpeluang menikmati kehidupan yang selesa. Malah mengakui itulah tempat yang paling cantik pernah dihuni sejak mereka sampai ke Malaysia kira-kira setahun lalu.

"Alhamdulillah syukur dapat menyediakan hidangan berbuka bersama teman-teman di sini. Ini merupakan kali pertama saya berpuasa di Malaysia sejak berkhidmat dengan pembinaan MRT di sini," ujar **Muhammad Nur Faiz**, 35, salah seorang tenaga kerja berasal dari Madura, Indonesia.

Di satu pemandangan lain iaitu di bahagian kafeteria kuarters pekerja (CLQ) tersebut, tiga sahabat, **Yusri Mohd Yunus**, 32, **Azuan Ahmad**, 31 dan **Mohd. Aswadi Mohd Nor**, 32 sedang menanti waktu berbuka dengan masing-masing masih berpakaian kerja lengkap bertopi keselamatan.

"Sekali sekala kami akan berbuka puasa di sini, tapi kebanyakan masa di tapak binaan sahaja. Majikan turut menyediakan makanan untuk kami berbuka," ujar Mohd. Aswadi yang berasal dari Jengka, Pahang.

Dua lagi rakannya berasal dari Felda Kratong, Pahang dan Muar, Johor.

Ini juga merupakan kali pertama mereka berpuasa dan menjalani

kehidupan di kuarters CLQ yang penuh selesa.

Berjauhan daripada keluarga tidak begitu terasa kerana kesemua teman sekerja turut berkongsi cerita yang sama.

"Sekarang memang sibuk. Kami semua belum berpeluang balik kampung berbuka puasa bersama ahli keluarga, tapi memang sebelum ini pun kami sudah biasa berjauhan dari keluarga kerana tuntutan kerja.

"Syukur alhamdulillah kerana ditempatkan di CLQ yang jauh lebih selesa berbanding duduk di rumah kongsi biasa," ujar Mohd. Aswadi yang mempunyai isteri dan dua cahaya mata di kampung.



MUHAMMAD Nur Faiz (baju merah) menyediakan hidangan berbuka puasa di dapur yang disediakan di CLQ Cheras.



AZUAN Ahmad (kiri) dan **Yusri Mohd Yunus** lebih senang berbuka di kafeteria CLQ kerana kesuntukan masa menyediakan juadah.

Sementara itu, Azuan yang baru seminggu merasai kehidupan di CLQ Jalan Cheras turut menzahirkan rasa syukur dengan segala kemudahan yang ada di kuarters tersebut.

“Ada surau, bilik air, bilik tidur yang sejuk dan selesa, kami boleh menjalankan ibadah puasa, kerja dan hidup dengan selesa di sini.”

Kenyataan Azuan disokong Yusri yang turut menjadi penghuni CLQ Jalan Cheras sejak dua bulan lalu.

“Bila cuti kami akan beriadah di sini, padang futsal pun ada untuk kami menganjurkan pertandingan di kalangan kontraktor yang menghuni di sini,” ujar Yusri yang cukup selesa dengan kemudahan di CLQ ini.

Bagi mereka, tubuh yang penat bekerja sepanjang hari menikmati haknya dalam kabin yang penuh selesa dilengkapi tilam dan bantal.

Bukan hanya mereka, kebajikan 242 penghuni di CLQ Jalan Cheras ini memang dijaga rapi. Daripada jumlah tersebut seramai 126 orang beragama Islam.

Selepas berbuka puasa, mereka dapat mengerjakan sembahyang Maghrib dan Isyak diikuti Tarawih secara berjemaah di surau.

Penulis berkesempatan merasai suasana berbuka puasa bersama penghuni CLQ Jalan Cheras dan melihat sendiri kuarters yang boleh diibaratkan sebagai taman perumahan mini.

Kebajikan

Menurut Pengarah Deputy Pembinaan Bahagian Pengurusan Projek MRT Corp., **Adil Putra Ahmad**, pengalaman dalam industri pembinaan sebelum ini kebanyakannya tidak begitu menekankan kebajikan pekerja.

Berbanding projek MRT, mereka mahukan sesuatu berbeza.

“Sebagai projek ikonik pekerja bukan saja bekerja malah kebajikan mereka juga diutamakan.”



ADIL PUTRA AHMAD



MOHD. ASWADI MOHD NOR

“Bukan saja menyediakan kuarters yang lengkap dengan prasarana malah menaiktaraf dari masa ke semasa.

“CLQ ini dibina dengan penuh perancangan. Kami mengambil contoh dari beberapa buah negara yang melaksanakan

perlaksanaan terbaik seperti di Hong Kong, Asia Barat dan Singapura.

“Ini merupakan titik permulaan dan bakal menjadi ikutan syarikat pembinaan lain,” jelasnya yang ditemui di CLQ Jalan Cheras baru-baru ini.

Menurut Adil Putra, tujuan utama mewujudkan kuarters lengkap sebegini adalah untuk mengurangkan masalah sosial sekali gus menghilangkan kebimbangan penduduk setempat.

“Pergerakan pekerja dipantau rapi, menggunakan sistem pas dan pengimbasan wajah elektronik. Identiti pekerja juga disimpan dalam aplikasi khas dan boleh terus diimbas menerusi telefon pintar oleh pegawai untuk memastikan tidak berlaku pemalsuan identiti pekerja.

“Kawalan keselamatan di CLQ adalah 24 jam. Kawasan ini juga dilengkapi CCTV dan pagar keselamatan berkualiti bagi mengelakkan pencerobohan orang yang tidak bertanggung jawab.

“Bagi pelawat, mereka perlu mendaftar untuk mendapatkan pas sementara. Pekerja juga tidak perlu risau tentang pengangkutan kerana sebuah bas disediakan untuk ke tapak pembinaan dan pulang ke kuarters,” jelas Adil Putra lagi.

“Setiap kuarters dibina umpama taman perumahan mini. Antara kemudahan yang disediakan seperti kiosk yang menjual barangan makanan dan keperluan harian, surau, klinik, tandas, ruang riadah, ruang sukan seperti tapak futsal dan kafeteria



PEKERJA tapak bina landasan MRT pulang ke kabin masing-masing untuk berbuka puasa dan berehat selepas seharian mengerah keringat.

Kemudahan selesa

Adil Putra berkata, CLQ Jalan Cheras itu boleh menempatkan sehingga 1,680 pekerja. Ia terdiri daripada tujuh blok dengan setiap blok mengandungi 20 kabin.

CLQ itu mula diduduki pada 31 April tahun ini yang menempatkan tenaga kerja tempatan serta pekerja warga asing seperti Indonesia, Bangladesh, Myanmar, India, Nepal, Pakistan dan Vietnam. Kompleks ini dijangka akan terus dimanfaatkan hingga projek tamat sekitar tahun 2017.

“Lebih menarik, semua kemudahan yang disediakan adalah percuma termasuk bil air, api dan bekalan gas di dapur.

“Tiga lagi kompleks terletak di Sungai Buloh, Kajang, Selangor dan Cochrane, Kuala Lumpur, katanya.

CLQ Jalan Cheras ini menempatkan tenaga kerja untuk Pakej V5 (kontraktor; IJM Construction Sdn. Bhd. - Maluri Portal ke Plaza Phoenix) dan V6 (Ahmad Zaki Sdn. Bhd. - Plaza Phoenix ke Bandar Tun Hussein Onn).

“Setiap kuarters dibina umpama taman perumahan mini. Antara kemudahan yang disediakan seperti kiosk yang menjual barangan makanan dan keperluan harian, surau, klinik, tandas, ruang riadah, ruang sukan seperti tapak futsal dan kafeteria.

“Setiap kabin dilengkapi dengan kemudahan asas seperti katil dua tingkat, enam almari dan dua kipas untuk sebuah kabin. Malah poin plug juga disediakan sebanyak enam set supaya tiap pekerja mendapat hak penggunaan barang elektrik atau elektronik masing-masing.

“Akan datang pihak MRT akan menyediakan tempat kemudahan mengeluarkan wang seperti mesin ATM dan kedai gunting rambut.

“Harapan MRT Corp. agar kemudahan ini memberi kesenangan buat pekerja sekali gus memberi mereka semangat untuk bekerja,” kata Adil Putra.

***Stimbot No.1 Malaysia**
BUFFET

Aroma

RAMADHAN
Selamat Berbuka Puasa
Hidangan Syok!!! & Berbaloi-baloi...

DEWASA
RM 39
PERSENI

KANAK²
5-12 TAHUN
50% DISKAUN
RM 19
BERSIH

BBQ
Kambing Panggang
Setiap Hari!!!

BBQ AYAM, SOTONG, IKAN, DAGING,
SOSEJ & MASAKAN PANAS

RESTORAN
D'Kayangan
BBQ & Stimbot

Pasti Hebat... Pasti Sedap...

DI SRI ACAPPELLA SERVIS APARTMENT SEKSYEN 13,
SHAH ALAM BERHAMPIRAN GIANT & STADIUM
10 JULAI - 7 OGOS 2013 (6.00 PTG - 12.00 MLM)
+6012 - 397 0091 / +6012 - 297 1091

steamboat bbq buffet dkayangan
GPS: N3.088301 E101.54794